

## TINGKATAN EMPAT PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

1.

### 1. SYIRIK

#### i. Pengertian

- Menyekutukan Allah S.W.T dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan.

#### ii. Contoh

- Menyembah berhala
- Menyembah bulan dan matahari
- Mengaku nabi Isa sebagai anak tuhan

#### iii. Jenis

1. Syirik Jali –  
Menyekutukan Allah yang dilakukan secara terang-terang dan nyata
2. Syirik Khafi -  
Tidak meletakkan Allah sebagai yang mutlak dalam niat, terutama dalam ibadat ( menyekutukan Allah secara sembunyi)  
Contoh - riak, 'ujub dan takbur.

#### iv. Kesan amalan syirik

- Merosakkan aqidah
- Berdosa besar
- Mendapat azab di akhirat
- Dibenci masyarakat

### 2.KUFUR ( SPM 2006 )

#### i. Pengertian

- Tidak percaya kepada Allah S.W.T serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

#### ii. Jenis Kufur

##### 1. Kufur Hakikat

- ◆ Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak Syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

##### Contoh:

- ◆ Tidak mengaku balasan di akhirat
- ◆ Menolak hokum yang terdapat dalam al-Quran
- ◆ Menyatakan solat fardhu merugikan masa

##### 2. Kufur Nikmat

- ◆ Mengingkari Allah sebagai pemberi nikmat kepada manusia dan makhluk ciptaanNya.

**Contoh:**

- ◆ Menggunakan nikmat kejalan maksiat
- ◆ Enggan mengeluarkan zakat atau sedekah
- ◆ Boros membelanjakan harta.

**iii. Sebab/ faktor yang boleh membawa kekufuran**

- Lemah pegangan agama Islam.
- Jahil tentang akidah dan hukum Islam.
- Terpengaruh dengan hawa nafsu yang inginkan keseronokan.
- Kesempitan hidup untuk memenuhi keperluan hidup.

**iv. Akibat Perbuatan Kufur**

**1. Terhadap Individu**

- ◆ Amalan yang dilakukan akan menjadi sia-sia
- ◆ Membatalkan iman
- ◆ Kehidupan sentiasa dilaknat oleh Allah
- ◆ Menjejaskan kehormatan diri dari pandangan masyarakat

**2. Terhadap Masyarakat**

- ◆ Melemahkan pegangan masyarakat Islam terhadap ajaran Islam
- ◆ Masyarakat Islam akan dipandang hina oleh masyarakat bukan Islam
- ◆ Mencemar kesucian Islam
- ◆ Masyarakat akan hidup ndi dalam kemaksiatan

**v. Cara mengatasi amalan kufur**

- Mengiatkan usaha dakwah dan majlis ilmu di semua lapisan asyarakat
- Menenakan hukuman berat kepada yang terlibat
- Mengawasi tempat yang dianggapkan keramat boleh membawa kekufuran
- Memberi kesedaran kepada masyarakat yang masih mengamalkan kufur
- Menyebarkan risalah-risalah yang mengandungi keburukan kufur.

**vi. Cara mengelakkan diri daripada kekufuran**

- Tegukan keimanan kepada Allah
- Sentiasa mendalami ilmu akidah
- Sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu
- Jauhi diri daripada mereka yang terlibat dengan kufur

**3.RIDDAH ( SPM 2006 & 2008 )**

**i. Pengertian**

- Berpaling atau keluar daripada agama Islam

**ii. Boleh menjadi Murtad ( Riddah )**

1. Melalui Iktikad - contoh : Berniat hendak meninggalkan agama Islam
2. Melalui Perkataan – contoh : Mengisytiharkan diri keluar daripada agama Islam
3. Melalui Perbuatan – contoh : Menganut agama selain agama Islam

**iii. Faktor membawa kepada Murtad ( Riddah )**

- Pengangan agama Islam lemah
- Jahil tentang akidah
- Tiada bimbingan untuk memahami Islam
- Terpegaruh dengan hawa nafsu yang inginkan keseronokan
- Terpegaruh dengan tawaran kebendaan

**iv. Tindakan ke atas orang Murtad**

- Memberi nasihat supaya bertaubat kembali kepada Islam
- Jika mereka masih berdegil pihak pemerintah hendaklah menguatkuasakan hukuman bunuh.

**v. Hikmah disyariatkan hukuman berat ke atas orang Murtad**

- Supaya orang tidak berani mencemarkan kesucian agama Islam
- Untuk menghindarkan masyarakat Islam dari berpecah belah
- Untuk menunjukkan agama Islam tegas terhadap sesiapa melakukan kesalahan.
- Untuk member amaran bahawa agama Islam tidak boleh dipermain-mainkan

**vi. Kesan perbuatan Murtad ( Riddah )**

- Segala amalan baik yang dilakukan menjadi sia-sia
- Membatalkan Iman
- Menjadi ahli Neraka
- Haram menerima harta pusaka
- Hartanya haram dipusakai oleh ahli waris beragama Islam
- Haram dikebumikan diperkuburan Islam

**vii. Langkah mengatasi Murtad**

- Memberi pendidikan agama dengan sebaik-baik
- Mengambil tindakan tegas kepada mereka yang murtad
- Mendalami ilmu agama Islam
- Meningkatkan keimanan dengan melakukan ibadat kepada Allah
- Memberi kefahaman tentang akibat buruk perbuatan murtad.
- Pihak berkuasa mesti menyediakan program pemulihan akidah
- Mengadakan kempen / aktiviti keagamaan
- Menguatkuasakan undang-undang Islam

**viii. Kepentingan / kebaikan menjaga diri daripada perbuatan murtad**

- Supaya segala amalan baik yang dilakukan tidak menjadi sia-sia
- Supaya akidah seseorang terpelihai
- Mendapat ganjaran baik daripada Allah
- Menunjukkan agama Islam adalah agama suci
- Menjadi umat Islam yang bertakwa

## **4. SIHIR**

### **i. Pengertian**

- sihir ialah ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus melalui pertolongan makhluk gahib iaitu dengan bantuan syaitan bertujuan memudharatkan orang lain.

### **ii. Kesan amalan sihir**

- Pada individu
  - merosakkan akidah/iman
  - menjadikan dirinya takabur dan berani melakukan kezaliman
  - membazirkan masa dan tenaga
- Pada masyarakat
  - Menyekatkan perkembangan minda
  - Memecahbelahkan masyarakat dan menimbulkan fitnah
  - Menimbulkan pergaduhan

### **iii. Langkah menghindari diri daripada melakukan sihir:**

- Mendalami ajaran Islam
- Mengagumi kekuasaan Allah
- Menjauhi diri dari mereka yang mengamalkan sihir
- Mendampingi orang alim

### **iv. Sebab sihir boleh membatalkan iman**

- Amalan sihir meminta pertolongan kuasa ghaib untuk mememudharatkan orang lain.
- Menafikan kekuasaan Allah

### **v. Cara-cara mengelakkan diri daripada terkena sihir**

- Membaca ayat kursi setiap kali selesai solat fardhu
- Membaca surah al-Ikhlas, al-falaq, an-nas setiap kali selesai solat
- Memohon perlindungan dengan nama-nama Allah

### **vi. Hikmah pengharaman sihir**

- Sihir membatalkan Iman
- Memecah belahkan perpaduan umat Islam
- Menjadikan umat Islam hidup dalam keadaan huru hara

### **vii. Kebaikan / kepentingan menjauhi diri daripada sihir**

- Supaya akidah terpelihara
- Orang Islam hidup dalam keadaan aman
- Terpelihara daripada permusuhan dan persengketaan

## 2. DOSA-DOSA BESAR

### 1. MINUM ARAK DAN DADAH ( SPM 2008 )

#### i. Pengertian Arak

- Minuman yang memabukkan yang diperbuatkan daripada perahan buah-buahan yang diperam.

#### ii. Pengertian Dadah

- Sejenis bahan yang menghayalkan dan menghilangkan daya fikir.

#### iii. Hukuman terhadap orang yang minum arak

- Dikenakan 40 kali sebatan

#### iv. Syarat-syarat untuk mensabitkan hukuman terhadap peminum arak

- Sempurna akal
- Dilakukan dengan kehendak sendiri
- Peminum mengetahui bahawa yang diminum adalah arak.

#### v. Faktor / sebab berlaku perbuatan minum arak / dadah

- Kurang didikan agama Islam
- Tidak menghayati ajaran Islam
- Terpengaruh dengan rakan sebaya
- Terpengaruh dengan persekitaran
- Terpengaruh dengan kemewahan

#### vi. Kesan / akibat ketagihan arak / dadah

##### 1. Pada Individu

- ◆ Hilang kewarasan berfikir
- ◆ Memudharatkan anggota badan
- ◆ Lupa tanggungjawab terhadap Allah

##### 2. Pada Masyarakat

- ◆ Menimbulkan kebencian antara ahli masyarakat
- ◆ Masyarakat tidak tenteram
- ◆ Masyarakat tidak aan mendapat keberkatan dari Allah s.w.t
- ◆ Berada dalam kemurkaan Allah.

#### vii. Langkah-langkah mengatasi

- Memberi kesedaran bahawa minum arak dan dadah itu berdosa
- Masyarakat hendaklah mengamalkan cara hidup dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan.
- Penguatkuasaan undang-undang terhadap peminum arak dan penagih dadah
- Tindakan berkuasa mengenakan hukuman berat ke atas pengedar dadah.

## **2. MENCURI**

### **i. Pengertian**

- Mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanannya tanpa izinnya.

### **ii. Syarat sabit hukuman**

- Pencuri cukup umur dan sempurna akal
- Mencuri bukan kerana lapar / miskin
- Harta yang dicuri kepunyaan orang tertentu dan cukup nisab
- Dengan kemahuan sendiri
- Barang disimpan di tempat selamat

### **iii. Langkah-langkah menangani**

- Wujudkan kerjasama ahli masyarakat membendung kegiatan mencuri
- Wujudkan undang-undang hudud
- Mengingatkan masyarakat balasan Allah di dunia dan akhirat
- Menyimpan barang di tempat selamat

### **iv. Kesan perbuatan mencuri**

#### **1- Individu**

- Dipandang hina oleh masyarakat
- Hilang kepercayaan kepada dirinya
- Mendapat hukuman yang setimpal
- Dipulaukan oleh masyarakat

#### **2- Masyarakat**

- Tidak aman dan tenteram
- Menimbulkan pergaduhan
- Kehidupan seharian terganggu
- Projek pembangunan tidak dapat dijalankan

## **3. ZINA**

### **i. Pengertian**

- Persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah.

### **ii. Hukuman**

1. **Muhsan** (Penzina yang telah berkahwin)
  - Direjam sampai mati
2. **Ghairu Muhsan** (Penzina yang belum Berkahwin)
  - Disebat 100 kali sebatan

### **iii. Faktor -faktor**

- Kurang pendidikan Islam
- Lemah iman dan penghayatan Islam
- Mengamalkan pergaulan bebas
- Membaca dan menonton bahan-bahan lucah

**iv. Akibat / kesan Perbuatan**

**1. Individu**

- Menjatuhkan maruah diri
- Mendapat kemurkaan /azab Allah
- Mendatang penyakit berbahaya
- Jiwa tidak tenang

**2. Keluarga dan masyarakat**

- Meruntuhkan Intitusi kekeluargaan.
- Menimbulkan pergaduhan.
- Masyarakat tidak aman.
- Berlaku pelbagai jenayah.

**v. Langkah mengatasi**

- Menutup pusat-pusat hiburan dan maksiat
- Mengenakan tindakan undang-undang
- Memberi didikan Islam
- Memberi kesedaran kepada orang ramai akibat zina
- Ibu bapa mengawal pergaulan anak-anak.

**vi. Hikmah pengharaman zina**

- Memelihara kehormatan diri dan keluarga
- Menjaga kesucian zuriat
- Mengelakkan berlaku pergaduhan
- Menjauhkan manusia daripada maksiat

**4. MAKAN HARTA ANAK YATIM**

**i. Hukuman makan harta anak yatim**

- Mereka akan dibakar di dalam api neraka
- Mereka menelan api neraka ke dalam perut

**ii. Faktor berlaku perbuatan makan harta anakyatim**

- Kurang pendidikan agama Islam
- Kurang penghayatan Islam
- Bersifat tidak amanah dan bertanggungjawab
- Kurang memiliki sifat kasih sayang kepada kanak-kanak

**iii. Sebab dilarang memakan harta anak yatim**

- Anak yatim kehilangan punca penndapatan apabila dewasa
- Mengelakkan anak yatim hidup terbiar dan melarat
- Mengelakkan berlaku pergaduhan dan terputus asa
- Mencabuli hak anak yatim sebagai pewaris harta pusaka

**iv. Cara –cara menjaga harta anak yatim**

- Menjaga harta anak yatim .
- Memulangkannya bila anak yatim itu baligh .
- Gunakan untuk keperluan anak yatim tersebut.

## 5. LARI DARI PERANG

### i. Pengertian

- Meninggalkan medan perang ketika sedang menentang musuh Allah

### ii. Akibat

- Dipandang hina oleh masyarakat
- Umat Islam akan ditindas
- Memberi peluang pada musuh menghapuskan agama dan umat Islam

## AQIDAH TINGKATAN 5

## 1. IMAN MUTIARA HIDUP

### 1. IMAN ( SPM 2006 & 2008 )

#### i. Pengertian ( SPM 2008 )

- Membenarkan dengan hati,berikrar dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota.

#### ii. Cara untuk menambahkan iman

- Banyak melakukan ibadat sunat
- Menuntut ilmu dan mengamalkan
- Banyak berdoa
- Selalu membaca al-Quran
- Seniasa berzikir
- Sentiasa berselawat
- Mengadakan Qiamullail

#### iii. Kebaikan iman bertambah

- Memantapkan lagi keimanan dan keyakinan terhadap Allah
- Menambahkan kecintaan kepada Allah dan RasulNya
- Menjadikan seseorang sentiasa taat kepada Allah
- Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah

#### iv. Ciri-ciri orang bertambah iman ( SPM 2006 )

- Mempunyai ilmu pengetahuan tentang Allah dan RasulNya
- Banyak melakukan ibadat sunat
- Melazimi berzikir kepada Allah
- Selalu berfikir tentang kebesaran Allah

## 2. KEMANISAN IMAN ( SPM 2006 & 2008 )

### i. Pengertian.

- Berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredhaan Allah dan RasulNya serta mengutamakan Allah dan RasulNya lebih daripada harta benda dunia.



**ii. Cara mencapai kemanisan iman ( SPM 2006 & 2008 )**

- Cinta kepada Allah dan RasulNya lebih daripada
- Mengasihi sesama manusia kerana Allah
- Benci kepada kekufuran sebagaimana benci jika dicampakkan ke dalam neraka

**iii. Kebaikan kemanisan iman**

**1. Terhadap individu**

- Merasa kelazatan melakukan ibadat
- Dapat membentuk diri menjadi seorang yang berakhlak mulia
- Dapat mengelak daripada hawa nafsu yang jahat
- Mereka sentiasa berkhidmat kepada masyarakat.

**2. Terhadap masyarakat**

- Sentiasa memberi khidmat bakti kepada masyarakat
- Menjadi contoh teladan kepada orang lain
- Mengasihi semua orang

**iv. Kesan buruk tidak mencapai kemanisan iman dalam amalan**

- Mereka bersifat mementingkan diri
- Membawa kepada masalah soial
- Mengamalkan sifat tamak dan kedekut
- Sering menjadi punca pergaduhan

**2. AHLI SUNNAH WALJAMAAH**

**i. Pengertian**

- Kumpulan yang berpegang teguh dengan Al- Quran dan sunnah Rasul dan perkara yang dibawa oleh Para sahabat serta menentang perkara bid'ah.

**ii. Kepentingan berpegang dengan akidah ASWJ**

- Dapat membersihkan aqidah daripada sebarang kekeliruan dan kesesatan
- Asas kepada penerimaan sesuatu amalan
- Hidup diredhai Allah

**iii. Prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

- Ajarannya berpegang kepada al-Quran
- Berpegang dengan prinsip As-Salafu As-Soleh
- Sebarang pertelingkahan pandangan mereka merujuk kepada al-Quran dan As-Sunnah
- Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka
- Mereka tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih.

**iv. Sumber pegangan ahli As-Sunnah Wal Jamaah**

- Al- Quran
- Al-Hadis

**v. Pandangan terhadap beberapa isu**

**i. Al-Quran bukan makhluk**

- Kalam Allah bersifat qadim-ia bukan makhluk

**ii. Melihat Allah**

- Orang mukmin dapat melihat Allah di syurga pada hari kiamat sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis sahih

**iii. Pelaku dosa besar**

- Orang yang melakukan dosa besar tetap
- dikira sebagai mukmin kerana imannya
- masih ada tetapi dikira fasik kerana telah melakukan dosa besar

**iv. Iman bertambah dan berkurang**

- Iman seseorang boleh bertambah dan berkurang . Iman bertambah apabila taat kepada suruhan berkurang apabila seseorang itu melakukan maksiat

**v. Qada' dan qadar**

- Bahawa ketentuan (Qadar) dan segala perkara yang berlaku ( Qada') di alam ini terjadi dengan kebijaksanaan Allah sejak azali lagi

**3. SYIAH**

**i. Pengertian**

- Golongan yang mendokong cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali sebagai khalifah Rasulullah

**ii. Kumpulan:**

1. **Syiah Imamiyah** : berpendapat bahawa jawatan pemimpin umat Islam hanya layak disandang oleh ahulul bait.

- Pegangan :

- Jawatan imam adalah jawatan yang dianugerahkan oleh Allah seperti kenabian yang bersifat maksum tetapi tidak mendapat wahyu. Layak disandang oleh 12 imam daripada kalangan ahulul bait
- Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh ahulul bait
- Imam kedua belas mereka ,Muhammad Al-Mahdi al-Qaim bil Hujah akan muncul sebagai Imam Mahdi
- Beramal dengan taqiyah iaitu menyembunyikan iktikad yang sebenar apabila berhadapan dengan orang yang berbeza iktikad
- Mengharuskan perkahwinan mut`ah (perkahwinan sementara)

2. **Syiah Zaidiah** :Sempena nama pengasasnya Zaid bin Ali Zainal Abidin( cicit kepada Saidina Ali)

- Pegangan :

- Beriktikad bahawa pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran
- Beriktikad bahawa perbuatan manusia dilakukan oleh manusia bukan Allah
- Para imam tidak maksum kecuali Ali, Fatimah ,Hasan dan Husin.
- Mereka menolak taqiyah
- Beriktikad bahawa Imam kedua belas mereka ,Muhammad Al-Mahdi al-Qaim bil Hujah akan muncul sebagai Imam Mahdi

3. **Syiah Batiniah** : Mereka menganggap al-Quran mempunyai makna zahir dan makna batin yang hanya difahami oleh imam mereka. Kumpulan syiah yang radikal dan sesat

• Pegangan :

- Beriktikad bahawa Saidina Ali dan imam-imam mereka sebagai tuhan.
- Beriktikad bahawa imam mereka, Muhammad bin al-Hanafiah masih hidup.
- Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak

**iii. Langkah-langkah memelihara/memantapkan akidah**

- Mempelajari asas akidah berdasarkan kitab Ahli As-Sunah Wa Jamaah yang muktabar.
- Belajar daripada guru yang diiktiraf keilmuannya dalam akidah.
- Membina ketahanan akidah dengan berdoa .
- Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat.
- Menunaikan perintah Allah dan meinggalkan larangan

**3. AJARAN SESAT**

**i. Pengertian**

- Ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan As-Sunnah

**ii. Akibat/ kesan mengamalkan ajaran sesat**

**1. Terhadap Individu**

- Rosak akidah
- Membuang masa
- Minda terkongkong
- Mengabaikan tanggung jawab kepada Allah, keluarga dan masyarakat
- Hidup tidak stabil

**2. Terhadap masyarakat dan Negara**

- Meruntuh institusi kekeluargaan
- Akan menggugatkan perpaduan
- Boleh berlaku keganasan
- Negara menjadi mundur
- Negara tidak aman

**iii. Cara menangani ajaran sesat**

- Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar
- Menyebarkan ajaran Islam melalui majlis ilmu, seminar dan ceramah
- Kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang
- Mengadakan program pemulihan akidah.

#### 4. CONTOH-CONTOH AJARAN SESAT DI MALAYSIA

##### 1- BAHAI

###### i. Pengasas

- Hussain Ali Al-Mazandarani

###### ii. Ciri-ciri kesesatan

- Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah
- Beriktikad bahawa semua Agama Adalah sama dan dikabungkan dalam ajaran Bahai
- Beriktikad bahawa Alam ini bersifat Baqa'
- Beriktikad bahawa nabi Isa mati disalib
- Mengagungkan kod 19 hingga al-Quran dipengaruhi oleh kod tersebut
- Menolak kewujudan mukjizat, malaikat, syurga dan neraka.
- Menghapuskan Jihad

##### 2- QADIANI

###### i. Pengasas

- Mirza Ghulam Ahmad

###### ii. Ciri-ciri kesesatan

- Beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad sebagai Almahdi, nabi dan jelmaan krisna
- Beriktikad bahawa Allah menurunkan kepada Mirza sebuah kitab suci yang bernama altazkirah
- Menghapuskan Jihad
- Mengubah Ayat al-Quran
- Mendakwa bahawa malaikat sebagai pancaindera Allah
- Mengisytiharkan qadyan sebagai tanah suci dan
- Menunaikan haji

##### 3- TASLIM

###### i. Pengasas

- Haji Muhammad bin Syafei (HJ Muhammad Matahari)

###### ii. Ciri-ciri kesesatan

- Beriktikad bahawa diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia ialah nur Muhammad
- Beriktikad bahawa alam bersifat qadim
- Mentafsir ayat-ayat al-Quran mengikut nafsu
- Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin
- Menolak kewujudan hari kiamat, syurga dan neraka
- Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li
- Mengaanggap Haji Muhammad Matahari sebagai pemimpin yang maksum